

KEMENTERIAN KESIHATAN  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR.

Bil. ( 41 ) dlm. KKM-32/2/6 Bhg.2

4 Oktober 1989.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
& Kesihatan Negeri \_\_\_\_\_

Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
Negeri Sabah.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
Negeri Sarawak.

Pengarah  
Hospital Besar Kuala Lumpur.

Datuk/tuan,

Per: Surat Pekeliling KPK Bil. 3 /1989  
Maklumat Untuk Orang Ramai Mengenai Penggunaan  
Perkhidmatan Kecemasan Di Hospital Kerajaan.

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi panduan kepada pihak hospital dalam menyediakan maklumat kepada orang ramai mengenai penggunaan perkhidmatan kecemasan di hospital Kerajaan.

2. LATARBELAKANG

2.1. Pada masa ini dianggarkan 35% dari kes-kes yang dirawat di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan bukan merupakan kes-kes kecemasan. Kajian mengenai penggunaan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan menunjukkan bahawa terdapat penyalahgunaan perkhidmatan kecemasan oleh kerana orang ramai masih kurang faham mengenai perkhidmatan kecemasan di hospital.

2.2. Persidangan Pakar-pakar mengenai Perkhidmatan Ortopedik dan Kemalangan dan Kecemasan pada 20 - 22 Julai 1987 juga telah membincangkan masalah ini dan mengesyorkan supaya penyebaran maklumat mengenai perkhidmatan kecemasan di hospital-hospital dipertingkatkan lagi.

3. DOKUMEN GARISPANDUAN

.. . Bersama-sama ini disertakan 5 naskah garispanduan 'Public Information on Proper Utilisation of Emergency Services in Hospital'.

4. TINDAKAN

- 4.1. Tuan adalah diminta untuk mengedarkan garispanduan ke semua hospital di bawah jagaan tuan.
- 4.2. Penguasa Perubatan dan Pegawai Perubatan y/m hospital adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan penyediaan dan penyebaran maklumat-maklumat berkenaan.
- 4.3. Penilaian ke atas aktiviti-aktiviti hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang disediakan. (Sila lihat Lampiran II, m.s. 41 dalam garispanduan yang disertakan).

5. PERTANYAAN

Segala pertanyaan mengenai garispanduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah Perkhidmatan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.


(u/p: Dr. Haji Ramlee Bin Haji Rahmat  
Unit Pelajaran Kesihatan).

6. Kerjasama Datuk/Tuan dalam perkara ini adalah dibargai.

Sekian dan terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' (DR.) ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN)  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Malaysia.

s. k. Pengarah Perkhidmatan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- Sila ambil perhatian terhadap  
cadangan di muka surat 25 dan 27.

Penolong Pengarah Kesihatan  
(Pelajaran Kesihatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

/wan.